

Media Title : Kosmo
Headline : Warga emas putih mata duit RM305,021 dikebas 'pegawai polis'
Date : 15 May 2024
Section : Negara!
Page : 9



Warga emas putih mata duit RM305,021 dikebas 'pegawai polis'



JOHOR BAHRU – Gara-gara takut apabila dikatakan terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram, seorang lelaki 'menyerahkan' RM305,021 selepas terperdaya dengan sindiket panggilan palsu menyamar sebagai pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd. Sohaimi Ishak berkata, mangsa yang beru-

sia 62 tahun menerima panggilan daripada seorang lelaki yang menyamar pegawai polis pada Januari tahun lalu.

Menurutnya, suspek mendakwa nama mangsa yang terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan meminta mangsa membuat pembayaran untuk menyelesaikan kes tersebut.

"Lelaki itu juga diarahkan melaporkan pergerakannya setiap hari kepada suspek selain mangsa diminta memberikan semua maklumat berkaitan perbankan.

"Pada Januari hingga Jun 2023, mangsa telah beberapa kali memindahkan wang ke beberapa akaun seperti mana diarahkan suspek," katanya semalam.

Mohd. Sohaimi berkata, mangsa menyedari dirinya ditipu selepas mendapati wang RM305,021 dalam akaunnya dipindahkan tanpa pengetahuan mangsa dan laporan polis dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.